

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
01 JANUARI 2019
SELASA



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

HARIAN METRO

DERITA KETUMBUHAN DALAM HIDUNG

2



HARIAN METRO

Rizalman Hammim
rizalman@nstp.com.my

Pasir Gudang

Siapa sangka pemerik-
saan di sebuah hospi-
tal swasta selepas
batuk tidak berhenti mem-
bawa kepada penemuan pe-
nyakit yang lebih serius ke-
pada Nur Adriana Aqilah
Mohd Fairuz.

Ibu kanak-kanak perem-
puan berusia sembilan tahun
itu, Nurul Ain Zakaria ber-
kata, dia membawa anak pe-
rempuannya ke hospital
awal bulan lalu selepas dia
mula batuk tidak berhenti
dua minggu.

"Saya bimbang anak
mungkin mempunyai pe-
nyakit tibi, tetapi doktor
mendapati dia mempunyai
ketumbuhan dalam hidung
yang memerlukan pembe-
dahan.

"Ketika ujian, doktor juga
mendapati ada yang tidak
kena dengan sistem sarafnya
dan mereka menjalankan le-
bih banyak ujian serta se-
dang menunggu masa sesuai
untuk mengambil cecair da-
ripada tulang belakangnya,"
katanya yang tinggal ber-
sama ibu bapanya di Taman Air
Biru, dekat sini.

Ibu tunggal itu berkata,
Nur Adriana akan menga-
lami kejang otot dan sering
lemah badan, selain kadang-
kala hilang ingatan.

Derita ketumbuhan dalam hidung

■ Ibu tunggal dirundung malang dua anak sakit kronik



NURUL Ain bersama anaknya, Nur Adriana Aqilah (kiri), Muhammad Izz Darwisy dan Nur Aurora Darmaya.

Memburukkan lagi keada-
an Nurul Ain, anak perem-
puan bongsunya, Nur Aurora
Darmaya Amirul Amri, be-
rusia empat bulan juga turut
menghidap hipertonia.

"Saya terpaksa menjaga
sepuh masa anak menyeb-
abkan tidak boleh bekerja.

Sebelum ini saya bekerja di
sebuah kilang, tetapi terpak-
sa mengambil Skim Pemi-
sahan Sukarela (VSS) Febru-
ari lalu," katanya yang
mempunyai seorang lagi
anak lelaki, Mohd Izz Da-
rwis Mohd Fairuz, 8.

Katanya, dia kini bergan-
-

tung kepada bantuan bula-
nan RM1,000 daripada Ja-
batan Kebajikan Masyarakat
(JKM).

"Rawatan dan ubat untuk
kedua-dua anak antara
RM400 hingga RM500 se-
bulan.

"Selain itu, Nur Aurora ju-
-

“

Saya terpaksa menjaga
sepuh masa anak
menyebabkan tidak
boleh bekerja. Sebelum
ini saya bekerja
di sebuah kilang, tetapi
terpaksa mengambil
Skim Pemisahan
Sukarela (VSS)
Februari lalu”

Nurul Ain Zakaria

ga memerlukan susu formu-
la bayi khas yang berharga
RM600 sebulan," katanya
selepas menerima kunjun-
gan Ahli Dewan Undangan
Negeri (ADUN) Permas Da-
tuk Che Zakaria Mohd Salleh
yang turut menyampaikan
sumbangan wang tunai dan
keperluan harian.

Che Zakaria berkata, Ya-
yanas Pasir Gudang akan
membantu keluarga berke-
naan dengan perbelanjaan
dan rawatan kedua-dua ka-
nak-kanak itu.

Harian Metro
1/1/19

